

07 AUG 2001

Arroyo-Ketibaan

ARROYO TIBA UNTUK LAWATAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Presiden Filipina Gloria Arroyo tiba di sini hari ini untuk lawatan tiga hari dengan tujuan memperkukuhkan hubungan antara Manila dan Kuala Lumpur.

Ini merupakan lawatan pertamanya ke luar negara sejak memegang jawatan presiden negara yang mempunyai kira-kira 74 juta penduduk itu pada Januari , menggantikan bekas presiden Joseph Estrada.

Ketibaan Arroyo di Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA) disambut Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau diiringi suaminya Jose Miguel Arroyo dan 90 anggota rombongan.

Sebaik tiba, Arroyo diiringi ke medan Parlimen dan diberikan sambutan negara oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah and Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri-menteri kabinet, para pegawai kanan kerajaan dan diplomat asing.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dijadual mengunjungi Arroyo di hotel penginapannya petang ini.

Selepas jamuan tengah hari yang dihoskan Duta Filipina ke Malaysia Jose Brilliantes, Arroyo akan ke Putrajaya untuk pertemuan empat mata dengan Dr Mahathir di pejabat Perdana Menteri.

Ini akan diikuti dengan mesyuarat delegasi dan majlis menandatangani perjanjian dua hala antara Malaysia dan Filipina.

Malam ini, Arroyo akan menghadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, diikuti jamuan negara di Istana Negara.

-- BERNAMA

AZZ ZS RON